

# Rezeki lumayan pancing belut

Mingguan Malaysia 26/1/2025 Pg 38

**BACHOK:** Aktiviti memancing belut yang dilakukan penduduk Kampung Jelawat di sini bagi mengisi masa terluang mampu menjana pendapatan lumayan kepada mereka.

Seorang penduduk, Muhamad Luqmanul Hakim Azhar, 25, berkata, setiap hari dia akan memancing lima kilogram belut dengan menggunakan umpan cacing gelang atau perut ayam sehingga mampu memberinya pendapatan sehingga RM175.

“Hasil itu diperolehi dalam tempoh dua hingga tiga jam. Biasanya, aktiviti ini dilakukan

pada sebelah petang. Sekilogram belut saya jual antara RM25 hingga RM35 mengikut saiz dan jenis,” ketika ketika ditemui *Mingguan Malaysia*.

Luqmanul Hakim berkata, kawasan bendang Kampung Jelawat kini bagaikan pesta apabila penduduk mengambil kesempatan memancing belut.

Seorang lagi pemancing, Muhamad Azren Che Azur, 26, berkata, dia seronok melakukan aktiviti itu dengan mencari lubang yang menjadi tempat tinggal belut dan memasukkan umpan dipasang pada mata kail.



**MUHAMMAD** Luqmanul Hakim Azhar (kiri) menunjukkan hasil belut yang diperolehi mereka di bendang Kampung Jelawat, Bachok, Kelantan. - MINGGUAN/TOREK SULONG